

Australia nafi imej 'kategori 3' dirakam sonar ada kaitan MH370
The Malaysian Insider
August 13, 2015

Pihak berkuasa Australia menafikan laporan berita yang mendakwa imej dirakam sonar yang berbentuk seperti kotak di dasar Lautan Hindi kemungkinan besar daripada pesawat MH370 yang hilang, menurut laporan Australia Associated Press (AAP).

Agensi berita itu memetik jurucakap Menteri Pengangkutan Warren Truss yang mengesahkan objek itu bukan daripada pesawat Malaysia Airlines (MAS) MH370.

"Semua itu adalah imej lama, dipercayai dirakam beberapa bulan lepas.

"Malah, kebarangkalian yang ia merupakan serpihan pesawat adalah amat kecil," kata jurucakap itu.

Menurut laporan itu, yang diterbitkan oleh beberapa media asing dan media tempatan Malaysia pada Khamis, menyatakan penemuan imej "kategori 3" itu oleh sebuah kapal terlibat dalam operasi mencari, kemungkinan besar adalah serpihan pesawat.

AAP berkata pencarian di dasar laut mengenal pasti lebih daripada 400 objek di dasar laut yang diklasifikasikan sebagai kategori 3 yang dirakamkan oleh sonar, yang menarik perhatian kerana keadaannya yang luar biasa daripada keadaan di persekitaran tetapi kebarangkalian mempunyai kaitan dengan pesawat itu amat kecil.

Pada 29 Julai, satu serpihan sayap atau flaperon pesawat ditemukan terdampar di pantai Pulau Reunion dan dihantar ke Perancis untuk dianalisis.

Pada 6 Ogos, Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Najib Razak mengesahkan flaperon itu adalah daripada pesawat MH370.

Pesawat MH370 hilang pada 8 Mac tahun semasa dalam penerbangan dari Kuala Lumpur ke Beijing dengan membawa 239 penumpang dan anak kapal termasuk 154 warga China. – Bernama, 13 Ogos, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/australia-nafi-imej-kategori-3-dirakam-sonar-ada-kaitan-mh370>